Nama: _____ Kelas: _____ Tarikh: _____

Tema 5: Kebudayaan, Kesenian, dan Estetika

Unit 13 Warisan Budaya Kekal Terpelihara

Lembaran Kerja 36

Halaman Buku Teks: 98 – 102

Kemahiran Membaca

Baca petikan, kemudian lengkapkan rajah berdasarkan petikan tersebut.

Haziq : Saya berhajat untuk mempelajari cara-cara membuat wau. Bolehkah Pak Azman menerangkan secara ringkas cara-cara untuk membuat wau bulan?

Pak Azman : Boleh, Haziq. Pak cik harap kamu dapat banyak bersabar semasa mendengarnya.

Haziq : Saya mahu belajar membuat wau bulan kerana saya suka mendengar lagunya.

Pak Azman : Pilihan kamu tepat, Haziq. Baiklah, langkah pertama, kita perlu menyediakan bahan-bahan seperti buluh untuk pembinaan rangka, kertas wau untuk badannya, gam, benang, gunting dan pisau kecil.

Haziq : Oh, jadi kita perlu mencari buluhnya dahulu, Pak Azman?

Pak Azman : Tepat sekali! Buluh itu pula perlu diraut nipis dan dijemur supaya ringan dan kuat. Kemudian, kita potong buluh mengikut bentuk wau dan ikat dengan benang supaya kukuh bentuk rangkanya.

Haziq : Saya faham, sekarang. Apakah langkah yang seterusnya?

Pak Azman : Kita tampalkan kertas wau di atas rangka menggunakan gam. Pastikan kedua-duanya melekat dengan kemas. Selepas itu, kita boleh mula menghias wau dengan corak dan warna pilihan.

Haziq : Oh, begitu caranya!

Pak Azman : Apabila kamu mahu menerbangkannya, pastikan angin cukup kuat. Sebaik-baiknya, pergilah ke kawasan padang yang lapang.

Haziq : Saya fikir saya perlu belajar dahulu untuk membuatnya secara amali.

Pak Azman : Pak cik bersedia untuk membimbing kamu sehingga kamu berjaya menerbangkan wau kamu sendiri.

PAK-21 THINK Peta Alir

Sediakan bahan-bahan yang diperlukan. → _____ → Jemur buluh supaya ringan dan kuat. → _____ → Ikat dengan benang supaya rangkanya kukuh. → _____ → Pastikan kedua-duanya melekat dengan kemas. → _____ → Hias wau dengan corak dan warna pilihan.

SP 2.1.1 *Membaca, memahami dan mentafsir bahan sastera dan bahan bukan sastera.*

TP 1 2 3 4 5 6

Scanned with CamScanner

LIVEWORKSHEETS